

Nasihat guru sempena musim raya



UNTUNG
RUGI

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

Penulis baru sahaja kembali semula daripada tanah tumpah kelahiran penulis di Teluk Intan, Perak. Sekembalinya penulis ke Nilai, Negeri Sembilan, banyak perkara yang bermain di fikiran penulis. Tentu sekali kegembiraan terpancar di wajah sebahagian besar umat Islam di Malaysia tatkala menyambungkan Hari Raya Aidilfitri.

Semasa di Teluk Intan iaitu sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri, penulis berbuka puasa dan secara tidak sengaja terserempak dengan guru kesayangan penulis iaitu Cikgu Khairuddin yang sudah agak lama tidak bersua. Raut wajah Cikgu Khairuddin mengingatkan semula pelbagai peristiwa yang berlaku lebih kurang 30 tahun yang lalu. Penulis bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Horley Methodist dan Cikgu Khairuddin adalah guru Bahasa Melayu penulis.

Beliau terkenal sebagai seorang yang amat mementingkan disiplin dan sentiasa ingin memastikan pelajar di

dalam kelas beliau sentiasa fokus dan memberikan perhatian. Pantang beliau adalah pelajar mengangkat tangan kiri untuk bertanya sesuatu atau menjawab soalan, beliau mengajar bahawa semua perkara yang dibuat perlu bertindak mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.

Katanya semasa penulis berjumpa beliau minggu lalu: "Setiap orang mempunyai kekuatan dan kemampuan masing-masing dan kita perlu mengetahui kekuatan dan kemampuan kita dari segala aspek agar kita dapat membuat pertimbangan yang terbaik dalam kehidupan ini".

Kata-kata tersebut tersemat di sanubari penulis sebelum beliau mengakhiri kata-kata dengan memberitahu bahawa beliau pernah dipanggil oleh guru besar di SK Horley Methodist lebih 30 tahun dahulu disebabkan membaling buku pelajar ke luar tingkap atas kesalahan pelajar itu sendiri.

Semasa hari raya kedua, keluarga penulis telah mengadakan majlis kenduri di kediaman keluarga di Teluk Intan. Penulis bersua dengan Cikgu Rokiah Ahmad yang sentiasa membaca penulisan penulis di *Sinar Harian*. Beliau bertanya berkenaan penulisan penulis sebelum ini yang antara lain berkisar dengan pelbagai isu rakyat yang dibawa.

Cikgu Rokiah yang telah bersara sebelum ini merupakan guru disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak dan beliau terkenal dalam mendidik dan mendisiplinkan pelajar. Bahkan beliau sentiasa membawa gunting bersama beliau dan akan memotong rambut mana-mana pelajar yang didapati panjang. Perbualan kami turut berkisar tentang keperluan untuk memastikan kehidupan ini diterapkan budaya berdisiplin.

Mengambil contoh perkongsian dua guru hebat ini yang boleh dijadikan iktibar yang berguna, penulis mendapati pada ketika ini amat perlu untuk kita menerapkan elemen disiplin dalam perbelanjaan agar kita tidak berbelanja melebihi kemampuan.

Berbelanja melebihi kemampuan akan menyebabkan kita berhadapan dengan masalah yang merumitkan kehidupan kita dan jalan singkat yang mungkin diambil adalah dengan meminjam disebabkan gaji seterusnya berkemungkinan satu atau dua minggu lagi. Meminjam ini juga berkemungkinan melibatkan keluarga, sahabat handai dan kawan sepejabat. Bahkan lebih parah sekiranya ia melibatkan along.

Dalam masa yang sama penulis juga sempat mendengar rintihan dan keluhan daripada katerer yang menyediakan makanan semasa majlis di rumah ke-

uarga penulis yang memaklumkan beliau berhadapan dengan situasi yang amat berbeza pada ketika ini disebabkan oleh kenaikan harga barang mentah makanan yang naik secara mendadak.

Dengan memberikan beberapa contoh kenaikan harga antaranya harga beras dan bawang. Beliau menyatakan bahawa ia benar-benar memberikan kesan kepada peniagaan catering termasuk pendapatan mereka sendiri turut sama terkesan. Beliau juga menyatakan bahawa beliau tidak sampai hati untuk menaikkan harga dan memahami situasi pengguna yang juga turut berhadapan dengan kesan kenaikan harga barangan.

Apa pun tekanan yang dihadapi pada ketika ini, penulis ingin berpesan kepada diri penulis dan semua bahawa kita amat perlu berhati-hati dan mengelak daripada terlibat dengan sebarang aktiviti hutang yang tidak diperlukan dan tidak terjebak dengan segala perkara yang berunsurkan riba yang berpotensi menjerat kita secara berpanjangan dan akhirnya tidak menemui jalan keluar.

Sebaiknya, kita berbelanja perkara yang perlu sahaja mengikut kemampuan kewangan masing-masing.

* Dr. Anuar Shah Bali Mahomed
Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Putra Malaysia/The Future Research